Nilai 3 jadi kompleks pasar borong terbesar negara

Oleh Hussain Said

NILAI: Sebuah kompleks Pasar Rakyat berharga RM50 juta, yang akan dibuka awal tahun depan, akan melengkapkan Nilai 3 sebagai pusat membeli belah utama selain menjadi kompleks pasar borong terbesar negara.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata selain menjadi kompleks pasar borong terbesar, perancangan juga sedang dibuat bagi menjadikannya destinasi pelancongan terkemuka dengan cadangan pembinaan sebuah taman pelancongan bernilai RM100 juta serta tapak karnival di kawasan berkenaan.

Beliau berkata, kompleks Psar Rakyat itu itu, yang dibangunkan di kawasan seluas 9 hektar di tengah Pekan Borong Nilai 3, adalah pusat jualan barangan basah.

Katanya, kompleks itu direka bentuk menepati ciri komersial dengan mempunyai 300 lot niaga bagi keselesaan peniaga barangan pasar seperti ikan, ayam, daging serta sayur-sayuran dan buah-buahan.

"Lebih menarik, kompleks itu akan dilengkapkan dengan kemudahan bilik beku membabitkan kawasan seluas 5.6 hektar. Ia akan menjadikan Nilai 3 kompleks pasar borong terbesar di negara ini," katanya selepas merasmikan majlis pecah tanah tapak kompleks Pasar Rakyat itu di sini, kelmarin.

Turut hadir Pengurus Besar Nilai 3 Wholesale Centre Management Sdn Bhd, Wong Ah San dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Nilai (MPN), Nordin Mohd Yatib.

Mohd Isa berkata, kompleks itu akan membolehkan pengunjung bukan saja boleh membeli pakaian, barangan elektrik dan perabot tetapi berpeluang membeli barang keperluan basah seperti ikan dan sayuran.

Menurutnya, pihak pemaju sedang mengkaji untuk menjadikan jalan di kawasan kompleks itu sebagai laluan sehala bagi memudahkan dan memberi keselesaan kepada orang ramai membeli belah.

"Cadangan ini sedang dikaji oleh MPN dan pemaju. Kerajaan negeri juga sudah menubuhkan jawatankuasa khas di bawah Unit Pembangunan Ekonomi Negeri bagi memantau dan memastikan pembangunan Nilai 3 berjalan lancar," katanya.

Mohd Isa berkata, kerajaan negeri yakin Nilai 3 berpotensi untuk dibangunkan dan dimajukan berikutan kedudukan yang strategik berdekatan Lembah Klang.

"Memandangkan ia dihubungkan dengan Lebuh Raya Utara-Selatan dan kemudahan infrastruktur, kita sedang merancang membangunkan beberapa lagi kemudahan ke arah menjadikan Nilai 3 sebagai destinasi pelancongan popular, khususnya untuk pelancong dari Singapura," katanya.

Mohd Isa Abdul Samad